

# FATWA-FATWA WAKAF DI MALAYSIA: ANALISA KHUSUS DI NEGERI KELANTAN<sup>1</sup>

Oleh:

DR NOOR NAEMAH ABD RAHMAN<sup>2</sup>  
DR LUQMAN HJ ABDULLAH<sup>3</sup>  
DR ANISAH ABD GHANI<sup>4</sup>

## Abstrak

Kertas ini cuba membuat analisis kepada fatwa-fatwa wakaf di negeri Kelantan bermula dari tahun 1920an hingga 1990an. Pemilihan negeri Kelantan adalah dianggap sebagai sampel kepada fatwa-fatwa seluruh Negara kerana di dapati pendekatan fatwa di setiap negeri dan perkembangannya adalah tidak banyak berbeza. Kesimpulan yang paling nyata boleh dibuat ialah pemakaian mazhab Syafi'i dalam fatwa isu-isu wakaf di Kelantan dalam era terdahulu adalah satu kemestian manakala dalam era mutakhir terdapat perubahan paradigma dalam hal ini. Fatwa-fatwa tidak lagi terikat dengan mazhab Syafi'i bahkan dicampur aduk dengan berbagai mazhab. Beberapa pemerhatian penting dalam trend fatwa di Kelantan juga turut didedahkan yang diharap dapat dijadikan asas untuk diperincikan di peringkat yang lebih sesuai.

## 1. PENDAHULUAN

Fatwa meskipun dikenali sebagai penerangan mengenai hukum syarak namun di Malaysia ia merupakan penerangan hukum yang mempunyai kuasa perundangan. Ini berlaku kerana fatwa boleh dikuatkuasakan dan mengikat orang Islam sehingga jika didapati bersalah melanggar fatwa yang diwartakan maka hukuman-hukuman tertentu boleh dikenakan.

Fatwa yang biasa diertikan dengan jawapan hukum yang dikemukakan sebagai respon kepada persoalan yang diajukan adalah refleksi kepada amalan hukum yang berlaku dalam masyarakat. Oleh itu bentuk pemikiran hukum sesuatu zaman dan masyarakat diwakili oleh bentuk fatwa yang diputuskan.<sup>5</sup> Ia tidak sama sekali hasil spekulasi dan rekaan para ulama pada sesuatu zaman. Ia sebaliknya berasaskan realiti sebenar sesuatu masyarakat.<sup>6</sup> Mentaliti hukum yang wujud dalam sesebuah masyarakat pada suatu masa boleh diukur melalui keputusan-keputusan fatwa yang dibuat. Daripada kajian yang dilakukan didapati tumpuan isu pun turut dipengaruhi oleh trend berfikir yang wujud. Jika sesuatu isu menjadi fokus dalam masyarakat, maka ia biasanya akan menjadi popular dan kerap ditanya kepada pihak yang berkaitan. Kajian ini akan cuba membuat analisis terhadap fatwa-fatwa mengenai wakaf yang pernah dikemukakan oleh para sarjana hukum tempatan dengan membuat kajian khusus di negeri Kelantan. Antara aspek yang akan diberi tumpuan ialah metod fatwa, kandungan fatwa, pendekatan fatwa dan keberkesanan fatwa dalam menangani permasalahan hukum yang berlaku dalam masyarakat. Kertas ini akan menelusuri fatwa-fatwa wakaf yang

pernah dikemukakan oleh Jemaah Ulama, Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) atau Mufti Negeri Kelantan untuk dianalisis dengan mengambil fatwa-fatwa berkaitan untuk tempoh 1920an sehingga 1990an.

## **2. PENTADBIRAN FATWA**

Pentadbiran fatwa di Malaysia berada di bawah bidang kuasa pentadbiran agama Islam negeri-negeri. Setiap negeri mempunyai kuasa untuk menentukan prosedur dan amalan yang berkaitan dengannya. Melalui enakmen pentadbiran hukum Islam negeri-negeri perkara berkaitan fatwa disebutkan secara jelas. Urusan pentadbiran fatwa dilakukan oleh Jabatan Mufti yang berada di bawah pentadbiran pusat Majlis Agama Islam Negeri.

Bagi membantu Jabatan Mufti Negeri dalam menangani urusan fatwa, undang-undang yang digubal di negeri-negeri telah memberi kuasa kepada negeri masing-masing menubuhkan sebuah jawatankuasa fatwa. Pelbagai nama diberikan kepada jawatankuasa ini seperti Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak, Jawatankuasa Fatwa, Jawatankuasa Syariah, Majlis Fatwa, Lembaga Fatwa dan Jemaah Ulama.

Di negeri Kelantan, jawatankuasa fatwanya dinamakan sebagai Jemaah Ulama, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. Jemaah Ulama merupakan antara institusi fatwa negeri terulung yang ditubuhkan di Malaysia. Ia telah ditubuhkan pada 24hb. Januari 1918. Antara fungsi penting institusi tersebut ialah menangani persoalan hukum yang berlaku dalam masyarakat. Di peringkat awal penubuhannya Jemaah Ulama telah menjadi tumpuan masyarakat. Pelbagai soalan yang memerlukan jawapan fatwa telah dikemukakan bukan sahaja daripada seluruh Semenanjung Melayu bahkan juga dari Sumatera (Pulau Perca), Jawa dan lain-lain.

Jemaah Ulama atas sifatnya sebagai satu unit rasmi di bawah penyeliaan Majlis berperanan untuk menjadi badan yang menasihati Majlis dalam perkara berkaitan fatwa. Begitu juga bila mana Majlis bertindak sebagai badan yang berfungsi untuk menganjur, mendorong, membantu dan mengusahakan kemajuan dan kesejahteraan sosial dan ekonomi masyarakat Islam dalam negeri ini menurut hukum syarak,<sup>10</sup> Jemaah Ulama juga turut berperanan membantu Majlis bagi menjalankan fungsinya.

Dengan tertubuhnya jawatankuasa tersebut, tugas mufti menjadi lebih ringan kerana dibantu oleh anggota Jemaah yang secara langsung bertanggungjawab menangani persoalan hukum bagi pertanyaan yang dikemukakan. Lazimnya Jemaah Ulama akan hanya menangani isu-isu besar yang dikemukakan oleh masyarakat awam atau mana-mana agensi melalui mesyuarat yang diadakan. Sementara persoalan hukum biasa yang berbangkit dalam masyarakat akan ditangani oleh Pejabat Mufti. Menurut piagam pelanggan Pejabat Mufti Negeri Kelantan:

*"Setiap aduan atau pertanyaan secara bertulis mengenai hukum atau*

*fatwa akan diteliti dan dijawab dalam masa satu minggu dari tarikh penerimaannya atau selepas mesyuarat Jemaah Ulama sekiranya terpaksa dibawa ke mesyuarat Jemaah Ulama.”<sup>11</sup>*

Pejabat Mufti Negeri Kelantan yang telah lama ditubuhkan secara berasingan daripada pejabat pentadbiran Majlis telah juga menentukan fungsinya dengan jelas. Secara terperinci fungsi Pejabat Mufti adalah sebagaimana berikut:<sup>12</sup>

- i. Menasihati raja dan kerajaan negeri dalam perkara-perkara kefatwaan Islam meliputi semua aspek termasuk aqidah, syariah, ibadah khusus, sosial, ekonomi, kewangan dan isu-isu semasa.
- ii. Membuat penyelidikan dan pembinaan terhadap segala isu dan masalah baru yang memerlukan kepada fatwa.
- iii. Sebagai pusat maklumat yang sistematik berkaitan dengan kefatwaan di negeri-negeri berkenaan.
- iv. Mengeluarkan panduan-panduan kefatwaan untuk masyarakat Islam di negeri-negeri, terutamanya berkaitan dengan masalah semasa yang sangat memerlukan panduan yang lengkap dan jelas.
- v. Mengurusetikan mesyuarat, persidangan dan segala mesyuarat jawatankuasa fatwa dan lain-lain mesyuarat berkaitan.
- vi. Menganalisis fatwa-fatwa dahulu dan semasa untuk faedah dan panduan umat Islam.
- vii. Membangun aspek-aspek pembinaan dan metodologi *istinbat* dan kefatwaan.
- viii. Membentuk satu penyelarasan kefahaman umat Islam terhadap penyelesaian hukum dan fatwa berkaitan sesuatu isu yang ditimbulkan.

### **3. ACARA MENGELUARKAN FATWA**

Setiap fatwa yang dikeluarkan oleh Jemaah Ulama akan melalui beberapa peringkat dan proses. Bermula dari tarikh di mana permasalahan atau persoalan dikemukakan oleh pihak yang bertanya.

Sesiapa saja boleh meminta penjelasan hukum dan fatwa bagi mana-mana perkara berkaitan hukum agama. Sebarang persoalan yang diajukan untuk mendapatkan penjelasan fatwa hendaklah ditujukan kepada Jemaah Ulama secara langsung mahupun kepada Majlis sendiri. Bilamana persoalan sampai ke tangan pihak-pihak berkenaan, Setiausaha Jemaah Ulama (yang biasanya adalah Pegawai Agama Majlis) akan menyampaikannya kepada pengerusi Jemaah Ulama iaitu Mufti Kerajaan. Di peringkat Jemaah Ulama, persoalan akan dinilai dan ditimbang untuk tindakan selanjutnya melainkan jika ia berpendapat soalan-soalan yang dikemukakan itu adalah remeh atau atas sebab-sebab lain yang tidak perlu dijawab.<sup>13</sup> Mufti sebenarnya mempunyai budi bicara untuk menjawab soalan yang dikemukakan tanpa membawa kepada mesyuarat Jemaah Ulama, namun menurut amalan yang berlaku pada hari ini, pihak mufti lebih cenderung untuk membawanya

ke dalam mesyuarat bagi mendapat persetujuan bersama dengan ahli-ahli yang lain.<sup>14</sup>

Enakmen MAIK bilangan 4 Tahun 1994 telah menjelaskan proses ini dalam seksyen 36 (1) hingga (2). Menurut peruntukan seksyen 36 (2) bolehlah difahami bahawa setelah keputusan fatwa diambil untuk menangani persoalan yang dikemukakan, Jemaah Ulama hendaklah bertindak menyediakan satu draf fatwa untuk dimajukan bagi mendapat persetujuan semua ahli. Setelah persetujuan ahli Jemaah Ulama diperolehi samada secara sebulat suara atau dengan suara majoriti, maka Pengerusi Jemaah Ulama bagi pihak dan atas nama MAIK akan mengeluarkan fatwa.

#### **4. ANALISIS FATWA-FATWA WAKAF TAHUN 1920AN- 1980AN**

Sejak tahun 1920an isu ibadat menjadi fokus utama fatwa-fatwa negeri. Dengan merujuk kepada Buku Himpunan Fatwa Mufti Kerajaan Negeri Kelantan Jilid 1 dan 2 menjelaskan kedudukan tersebut.<sup>15</sup> Isu wakaf tidak banyak mendapat perhatian, kalaupun ada hanya dengan jumlah yang terhad.

Setelah meneliti Minit Mesyuarat Jemaah Ulama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan dari tahun 1920an – 1980an serta Buku Himpunan Fatwa Jilid 1 dan 2, menunjukkan bahawa persoalan yang biasa ditanya mengenai wakaf hanya berkaitan masalah menjual harta wakaf, wakaf tanah untuk dijadikan masjid, status sesuatu yang diwakafkan apakah dianggap sebagai wakaf yang sah pada syarak dan hal-hal seumpamanya yang boleh disifatkan sebagai masalah-masalah kecil dan remeh. Pertanyaan yang membabitkan soal pembangunan harta wakaf secara langsung tidak kelihatan. Cuma yang ada kaitan sedikit ialah apa yang dimuatkan dalam Buku Himpunan Fatwa Jilid 1<sup>16</sup> yang bertanyakan hukum menyewakan bangunan wakaf yang telah usang dan terbiar oleh pihak MAIK kepada sesiapa untuk mendirikan rumah. Jawapan fatwa telah merumuskan: "Setelah mengkaji dan menimbangkan masalah yang tersebut di atas maka mesyuarat jemaah ulama membuat keputusan fatwa bahawa tiada halangan tanah tersebut diberi sewa oleh nazirnya apabila didapati ada masalah di samping bertujuan mengelakkan daripada terhampa akan maksud wakaf. Ini berdasarkan kepada nas dalam Nihayah al-Muhtaj, juzuk 4, halaman 287 ....."

Antara isu yang agak popular sekitar tahun-tahun tersebut adalah isu menjual harta wakaf di mana jawapan fatwa telah tidak mengharuskan amalan tersebut<sup>17</sup>. Fatwa tersebut dikemukakan tanpa mengatakan pandangan mazhab, dalil dan sumber rujukan. Walau bagaimanapun, setelah diteliti, ternyata ia merupakan pandangan Syafi'iyah yang berpendapat bahawa harta wakaf khas tidak boleh dijual, dihebah dan tidak boleh dipusakakan.<sup>18</sup> Pandangan ini berdasarkan hadis riwayat Ibn Umar yang bermaksud;

*"Sesungguhnya Umar r.a. dapati sebidang tanah di Khaibar. Dia datang menemui Nabi s.a.w. meminta pandangan tentang (tanah itu). Dia berkata: Wahai Rasulullah: Sesungguhnya aku dapati harta sebelum ini.*

*malah sebidang tanah itu lebih bernilai di sisi ku daripada nilai hartanya. Apa yang tuan suruh aku lakukan dengan harta itu. Lalu Rasulullah berkata kepadanya: "Jika engkau kehendaki menahan (mewakaf) asalnya (tanahnya). Maka Umar bersedekah manfaatnya. Maka Umar bersedekah manfaatnya. Sesungguhnya tidak boleh menjual tanahnya dan tidak boleh dihebah dan tidak boleh diwarisi".*

Dengan bilangan fatwa yang terhad dan isu yang hampir sama tidak menampakkan isu besar yang boleh dibuat penelitian. Secara purata boleh disebutkan bahawa fatwa-fatwa yang dikemukakan mengekalkan apa yang menjadi amalan secara tradisi iaitu memilih pandangan-pandangan mazhab Syafi'i dalam mengemukakan jawapan bagi menyelesaikan isu berbangkit.

Dilihat pada aspek metod jawapan fatwa yang dikemukakan pada tahun-tahun tersebut, didapati ianya adalah ringkas, tanpa menyatakan pandangan mazhab, tanpa disebutkan dalil naqli atau aqli dan tidak juga disebut sumber rujukan kecuali pada contoh yang disebutkan di atas tadi yang menyebutkan rujukan dilakukan kepada kitab Nihayah al-Muhtaj.

## **5. ANALISA FATWA-FATWA WAKAF TAHUN 1990AN**

Terdapat beberapa fatwa mengenai wakaf yang boleh dikategorikan sebagai fatwa mutakhir iaitu fatwa-fatwa yang dikeluarkan dalam tahun-tahun 90an yang dilihat mempunyai kelainan dengan fatwa-fatwa terdahulu. Beberapa pemerhatian berikut boleh dibincangkan:

1. Isu-isu fatwa yang dikeluarkan lebih banyak kepada isu pembangunan harta wakaf.
2. Pihak yang memohon fatwa adalah dari pihak MAIK sendiri.
3. Rujukan yang dibuat dalam membuat fatwa lebih kepada sumber skunder dan bukannya rujukan utama setiap mazhab.
4. Asas kepada fatwa tidak hanya kepada pandangan dalam mazhab Shafi'i

Penulis akan cuba membuat analisa terhadap fatwa-fatwa yang ada berasaskan pemerhatian di atas dengan mengkategorikan kepada (1) bentuk fatwa dan (2) isu-isu fiqh dalam fatwa.

### **5.1. Bentuk fatwa**

Meneliti fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh MAIK dalam tahun-tahun 1995 dan 1996 didapati kebanyakan fatwa adalah berkait dengan isu pembangunan harta wakaf. Isu-isu kecil lain yang dipohon fatwa oleh individu tertentu tidak banyak dibangkitkan. Antara fatwa yang berkait pembangunan harta wakaf ialah fatwa mengenal cadangan penukaran tanah wakaf (*istibdal*) dibawah kawalan MAIK yang terletak di beberapa jajahan di Kelantan yang tidak berpotensi untuk dimajukan dengan tanah lain yang terletak di Jajahan Jeli seluas 500 ekar di bawah kerajaan negeri Kelantan<sup>19</sup>. Berdasarkan maklumat yang dibentangkan

kepada pihak Ahli Jemaah Ulama tanah baru tersebut akan dilaksanakan projek pertanian yang akan dimajukan oleh pihak MAIK dan hasilnya akan dibelanjakan bagi maksud wakaf yang asal. Terdapat juga fatwa yang bersifat umum mengenai konsep pembangunan harta wakaf melalui kaedah *istibdal* (Bil. 2/95) yang dikeluarkan atas permohonan dari Bahagian Pembangunan MAIK. Kaedah pembangunan yang dicadangkan ialah kaedah pembelian tanah wakaf oleh Majlis melalui dana Baitulmal dan kaedah penjualan tanah wakaf kepada pihak swasta dan pendapatan dari jualan tersebut digunakan untuk membeli harta tetap lain sebagai ganti yang lebih baik dari sudut hasil. Selain daripada itu ada juga fatwa mengenai pembangunan atas tapak wakaf untuk masjid.

Melihat kepada trend fatwa-fatwa yang ada ini boleh disimpulkan bahawa tumpuan fatwa mutakhir adalah lebih kepada isu pembangunan harta wakaf yang diinisiatifkan sendiri oleh pihak Majlis. Ini berbeza dengan trend yang wujud dalam fatwa-fatwa terdahulu yang kebanyakannya adalah berkait dengan isu-isu kecil yang dipohon oleh Individu-individu tertentu. Keperihatinan pihak Majlis dalam soal pembangunan harta wakaf ini sebenarnya ada kaitan dengan meningkatnya kesedaran masyarakat terhadap peri pentingnya harta wakaf dalam menjana ekonomi umat Islam di samping sikap keterbukaan dalam mengeluarkan fatwa yang berasaskan pandangan di luar dari mazhab Shafi'i. Kesedaran masyarakat dan desakan pihak tertentu agar harta wakaf dimanfaatkan ke peringkat maksimum sedikit sebanyak menjadi penyumbang kepada tindakan pihak Majlis untuk mencari idea supaya harta wakaf dapat dibangunkan.

Masalah utama dalam pembangunan harta wakaf di Kelantan ialah kedudukan tanah-tanah wakaf yang berada di lokasi tidak strategik. Berdasarkan maklumat yang dibentangkan kepada Ahli Jemaah Ulama Majlis terdapat lebih kurang 312 ekar lebih tanah wakaf di bawah MAIK yang perlu dibangunkan yang terletak di jajahan-jajahan Kota Bharu, Pasir Mas, Tumpat, Bachok dan Pasir Putih. Kaedah pembangunan yang terbaik bagi tanah-tanah sebegini ialah dengan melaksanakan konsep '*istibdal*'. Atas asas ini kebanyakan fatwa yang dipohon dan dikeluarkan oleh pihak Jemaah Ulama Majlis di era mutakhir adalah mengenai *istibdal*. Pada tahun 1920an sehingga sebelum 1990an fatwa-fatwa begini tidak ada langsung. Pada pengamatan penulis ada dua sebab isu pembangunan harta wakaf tidak timbul langsung dalam fatwa-fatwa terdahulu. Pertamanya, isu keterikatan dengan mazhab Shafi'i yang tidak memberi ruang yang cukup luas untuk pembangunan harta wakaf. Kedua, isu kekurangan kepakaran di pihak Majlis sendiri yang tidak membantu Majlis ke arah perancangan pembangunan yang lebih produktif. Dua isu ini merupakan kekangan dalaman kepada masalah pembangunan tanah wakaf di samping kekangan luaran yang melibatkan isu undang-undang.

## **5.2. Isu-isu Fiqh Dalam Fatwa Mutakhir**

Dalam bahagian ini penulis akan membuat analisa terhadap beberapa isu fiqh dalam fatwa-fatwa yang ada iaitu berkait dengan fatwa *istibdal* dan fatwa berkait wakaf Tg Kaya Pahlawan.

## 1. Fatwa istibdal

Berdasar keputusan mesyuarat jemaah Majlis Ugama Islam Kelantan (Ruj: Kertas bil. 1, mesyuarat 2/95) adalah diputuskan bahawa dalam keadaan dharurat atau wujud masalah umum *istibdal* tanah wakaf di Kelantan adalah dibolehkan. Fatwa ini dikeluarkan atas permohonan bahagian pembangunan Majlis yang ingin memajukan harta wakaf di Kelantan. Dalam fatwa yang dihurai dengan agak panjang tersebut menyatakan bahawa menurut mazhab Shafi'i dan Maliki adalah tidak harus dijual atau ditukar ganti harta wakaf. Walaubagaimanapun dengan mengambil kira dharurat dan kemaslahatan awam dan bagi memelihara tujuan wakaf pihak Jemaah Majlis membuat keputusan adalah harus melakukan *istibdal*. Dalam penghujahan yang diberikan fatwa tersebut bersandar kepada kitab Majmu' Fatawa Ibn Taymiyyah. Dalam fatwa tersebut dengan jelas menyatakan:

*"Mesyuarat bersetuju dalam beberapa hal yang boleh memberi manfaat dan maslahat 'amah maka pendapat yang dikemukakan oleh Ibn Taymiyyah boleh diterima pakai dalam membuat rumusan fatwa".*

Pandangan Ibn Taymiyyah sebagaimana yang dirujuk dalam fatwa tersebut ialah sebenarnya fatwa yang diterimapakai dalam mazhab Hanbali yang boleh dirujuk dalam mana-mana kitab Mazhab Hanbali seperti Al Mughni, Kashaf al Qina', Al Syarh al Kabir dan Syarh al Zarkashi.<sup>20</sup> Adalah lebih sesuai sebenarnya jika fatwa itu menyatakan bahawa keharusan *istibdal* adalah berasas kepada mazhab Hanbali dan bukannya berasas pandangan Ibn Taymiyyah kerana Ibn Taymiyyah hanya membuat nukilan pandangan Imam Ahmad sahaja. Fatwa ini merupakan satu pendekatan baru dalam fatwa wakaf yang tidak lagi terikat dengan mazhab Shafi'i. Dalam era lama adalah tidak dijumpai fatwa mengenai *istibdal* kerana *istibdal* adalah agak asing dalam penulisan fiqh mazhab Shafi'i.

Pandangan yang mengharuskan *istibdal* juga sebenarnya adalah pandangan mazhab Hanafi. Dalam fatwa tersebut sebenarnya ada rujukan dibuat kepada mazhab Hanafi iaitu dalam konteks syarat-syarat pelaksanaan *istibdal*. Rujukan yang dibuat ialah kitab Al Fiqh al Islami oleh Wahbah al Zuhayli. Rujukan kepada Wahbah al Zuhayli juga sebenarnya tidak sesuai berlaku dalam fatwa. Menjadi tradisi dalam kajian ilmiah sesuatu pandangan fiqh akan lebih berotoriti jika rujukan adalah dibuat kepada sumber asal (sumber primer). Adalah lebih sesuai sekiranya sumber rujukan adalah berdasarkan kepada '*mainstream texts*' dalam sesuatu mazhab supaya nilai ilmiah sesuatu fatwa itu lebih dihargai. Berhubung dengan *istibdal*, cakupan perbincangan dalam mazhab Hanafi adalah lebih luas. Bahkan salah satu pandangan dalam mazhab berkenaan iaitu pandangan Abu Yusuf, mengharuskan *istibdal* tanpa wujudnya dharurat. Bagi beliau memadai untuk dilaksanakan *istibdal* dengan wujudnya unsur lebih baik (*anfa'*) atau lebih bermaslahat (*aslah*) sekalipun harta asal wakaf masih produktif.<sup>21</sup>

Fatwa mengenai keharusan *istibdal* di atas merupakan fatwa pertama di Kelantan yang berkaitan dengan isu tersebut. Ternyata pandangan mazhab Syafi'i dalam isu telah tidak diambil kira langsung. Berlainan dengan fatwa-fatwa terdahulu dalam kebanyakan isu pandangan Syafi'i adalah lebih diutamakan. Disebabkan ianya

yang pertama dan merupakan satu '*breakthrough*' dalam fatwa maka didapati juga fatwa tersebut dibuat dengan agak terperinci dan disertakan dengan teks-teks rujukan. Bentuk fatwa yang terperinci begini jarang diketemui dalam fatwa-fatwa terdahulu.

Ekoran dari fatwa keharusan *istibdal* tersebut didapati terdapat fatwa-fatwa susulan yang dipohon oleh pihak MAIK sendiri mengenai beberapa projek pembangunan tanah wakaf. Antara fatwa yang telah dikeluarkan ialah keharusan *istibdal* masjid (Ruj.: Kertas mesyuarat bil. 9/3/95) oleh pihak nazir. Kenyataan fatwa berbunyi:

*"Terpulang kepada pihak yang berkuasa selaku nazir yang sah untuk membuat istibdal masjid atau membangunkan tanah wakaf masjid atau tanah untuk masjid dengan tertakluk kepada syarat-syarat yang diharuskan syara".*

Fatwa ini adalah terlalu umum dan tidak disertakan dalil sebagaimana fatwa yang pertama di atas. Ini mungkin disebabkan rujukan dalam fatwa pertama telah dibuat dengan panjang lebar dan dianggap memadai. Bagi penulis fatwa keharusan *istibdal* masjid sebenarnya perlu kepada penjelasan yang terperinci kerana fatwa yang pertama di atas tidak melibatkan *istibdal* masjid. Ini penting kerana di dapati dalam mazhab Hanbali sahaja didapati mempunyai kelonggaran dalam hal *istibdal* masjid. Dalam mazhab-mazhab lain termasuk mazhab Hanafi yang mengharuskan *istibdal*, mereka tetap tidak membenarkan *istibdal* masjid.

## **2. Fatwa Wakaf Tengku Kaya Pahlawan**

Terdapat satu fatwa yang tidak berkait dengan pembangunan iaitu fatwa wakaf Tg Kaya Pahlawan. Dalam kertas mesyuarat Jemaah Ulama Bil. 1/4/97 menyatakan mesyuarat bersetuju menfatwakan maksud 'anak cucu' sebagaimana tercatat dalam dokumen wakaf Tengku Kaya Pahlawan adalah tidak termasuk cicit dan ke bawah. Rujukan yang dibuat ialah dalam *kitab l'annah al Talibin* menyatakan perkataan *awladi wa awladi awladi* adalah tidak termasuk generasi ketiga iaitu cicit. Berhubung dengan fatwa ini penulis ingin memberi komen bahwa adalah tidak tepat untuk menterjemahkan '*awladi wa awladi awladi*' dalam bahasa arab kepada 'anak cucu' dan tidak termasuk cicit ke bawah. Ini kerana dalam uruf orang Melayu 'anak cucu' adalah merupakan keturunan ke bawah bermula dari anak, cucu dan seterusnya. Penggunaan *uruf qawli* masyarakat tempatan hendaklah diambil kira dalam memberi fatwa dan tidak sepatutnya terikat dengan penggunaan bahasa Arab.<sup>22</sup> Di sinilah peranan kaedah "*al 'adah muhakamah*".

## **6. KESIMPULAN**

Daripada keseluruhan perbincangan di atas menunjukkan bahawa terdapat beberapa perbezaan utama antara fatwa-fatwa wakaf pada tahun 1920an-1980an dan fatwa-fatwa 1990an. Perbezaan tersebut berlaku pada isu-isu yang menjadi fokus di mana pada tahun sebelum 1990an, isu yang biasa dirujuk bagi



mendapatkan fatwa hukum adalah sekitar isu-isu kecil dan bersifat hal-hal individu. Sementara isu yang menjadi fokus kepada fatwa-fatwa tahun 1990an adalah hampir kesemuanya menyentuh pembangunan wakaf terutamanya masalah istibdal harta wakaf yang biasanya menjadi persoalan bagi pihak Majlis Agama sebagai nazir dan pengurus harta wakaf.

Perbezaan juga turut berlaku pada rujukan fatwa. Fatwa-fatwa tahun 1920an-1980an tidak banyak menyatakan sumber rujukan yang dibuat. Jika pun disebutkan ia biasa dirujuk kepada sumber-sumber primer dari kitab-kitab Syafi'iyah seperti *I'alah al-Talibin*, *Nihayah al-Muhtaj* dan seumpamanya. Berlainan dengan fatwa-fatwa tahun 1990an yang rata-rata menyebutkan sumber rujukan. Namun sumber rujukannya hampir kesemuanya merujuk kepada kitab *Al-Fiqh al-Islami Wa Adillatuh* karangan Dr. Wahbah al-Zuhaili.

Jika dilihat pada aspek penghujahan dan alasan fatwa, didapati fatwa-fatwa era 20an – 80an tidak banyak huraian, alasan dan penghujahan terperinci diberikan. Ia biasanya cukup dengan mengemukakan jawapan fatwa mengikut pandangan Syafi'i. Pendekatan yang agak berbeza berlaku pada fatwa-fatwa tahun 90an, di mana jawapan fatwa biasanya disertakan dengan dalil dan alasan penghujahan terperinci. Kedudukan ini berlaku mungkin disebabkan fatwa-fatwa 1990an diberi berasaskan pandangan di luar mazhab Syafi'i yang menjadi tradisi dalam amalan fatwa negeri.

Kesimpulan yang boleh dibuat daripada perbezaan metod, pendekatan dan kandungan fatwa yang ada pada tahun-tahun 1920an-1980an dengan fatwa-fatwa tahun 1990an memperkukuhkan kenyataan bahawa fatwa merupakan refleksi kepada amalan hukum yang berlaku dalam masyarakat. Oleh itu bentuk pemikiran hukum sesuatu zaman dan masyarakat diwakili oleh bentuk fatwa yang diputuskan.

## NOTA

- 1 Kertas kerja ini dibentangkan pada Konvensyen Wakaf 2006 anjuran Jabatan Wakaf Zakat dan Haji Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama UiTM Johor, UTM, UM, UIAM, YPEIM, IKIM, JAKIM dan YADIM di Legend Hotel, Kuala Lumpur, 12 – 14 September 2006.
- 2 Prof Madya di Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- 3 Pensyarah di Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- 4 Prof Madya di Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- 5 Lihat analisis yang dibuat dalam artikel-artikel yang ada dalam Khalid Mas'ud et. al,(1996) *Islamic Legal Interpretation : Muftis And Their Fatwas*, Cambridge, London : Harvard University Press.
- 6 Mohd. Daud Bakar, "Instrumen Fatwa Dalam Perkembangan Perundangan Islam", *Jurnal Syariah*, (Jld 5, Bil. 1, Januari 1997), m.s. 5-6
- 7 Maklumat fatwa dirujuk kepada Minit Mesyuarat Jemaah Ulama MAIK dan Buku Himpunan Fatwa Mufti Kerajaan Negeri Kelantan, juzuk 1 dan 2.
- 8 Abd. Razak Mahmud, "Tujuh Puluh Lima Tahun Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan" *Pengasuh* (Bil. 507, Nov – Dis. 1990) m.s. 9-10
- 9 Muhammad Shukri Haji Muhammad, *Pengasuh*, Bil 511, April 1991, h. 3
- 10 *Ibid.*, Seksyen 7 (1).
- 11 Sumber: Pejabat Mufti Negeri Kelantan.
- 12 *Ibid.*
- 13 Prof. Tan Sri Datuk Ahmad Mohamad Ibrahim (1998), "Acara Mufti Membuat Fatwa," dalam *Mufti dan Fatwa di Negeri-Negeri ASEAN*, Abdul Munir Yaacob dan Wan Roslii Abd. Majid (ed), c. 1, Kuala Lumpur : Institut Kefahaman Islam Malaysia, h.96.
- 14 Temubual dengan Ustaz Othman Haji Ibrahim, Pegawai Agama Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan selaku Setiausaha Jemaah Ulama Kelantan, pada 12hb. Ogos 1999 di pejabatnya.
- 15 Noor Naemah Abd. Rahman,(2003) "Fatwa-fatwa Jemaah Ulama Kelantan Tahun 1920an Hingga 1990an: Satu Analisis", Tesis Ph.D, Universiti Malaya, m.s. 219,243-244.
- 16 Buku Himpunan Fatwa Jilid 1 mewakili fatwa-fatwa sekitar tahun 1960an – 1980an.
- 17 Minit Mesyuarat Jemaah Ulama MAIK, Bil 245, 5 Januari 1950, Bil. 245, 16 Januari 1953, Buku Himpunan Fatwa Jilid 2. m.s. 166—171
- 18 Al-Khatib al-Syarbini, *Mughni al-Muhtaj*, Dar al-Fikr, Jld. II, ms. 376.
- 19 Minit Mesyuarat Jemaah Ulama Bil. 9/3/95.
- 20 Luqman Haji Abdullah (2005), *The Classical Islamic Law of Waqf: A Comparative Approach*, PhD Thesis, University of Edinburgh, hal. 178-180.
- 21 Ibn al Humam (1995), *Sharh Fath al Qadir*, Beirut Dar al Kutub al Ilmiyyah, Jld 1, hal. 212.
- 22 Luqman Haji Abdullah, *op.cit.*, p. 87.

## RUJUKAN

- Abd. Razak Mahmud, "Tujuh Puluh Lima Tahun Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan" *Pengasuh* (Bil. 507, Nov – Dis. 1990).
- Ahmad Mohamad Ibrahim (Prof. Tan Sri Datuk) (1998), "Acara Mufti Membuat Fatwa." dalam

**Mufti dan Fatwa di Negeri-Negeri ASEAN**, Abdul Munir Yaacob dan Wan Roslizi Abd. Majid (ed), c. 1, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.

**Buku Himpunan Fatwa Jilid 1 dan Jilid 2** mewakili fatwa-fatwa sekitar tahun 1960an – 1980an, Majlis Agama Islam Kelantan.

Ibn al Humam (1995), *Sharh Fath al Qadir*, Beirut Dar al Kutub al Ilmiyyah.

Khalid Mas'ud et. al, (1996) **Islamic Legal Interpretation : Muftis And Their Fatwas**, Cambridge, London : Harvard University Press.

al-Khatib al-Syarbini, *Mughni al-Muhtaj*, Dar al-Fikr, Jld. II, ms. 376.

Luqman Haji Abdullah (2005), **The Classical Islamic Law of Waqf: A Comparative Approach**, PhD Thesis, University of Edinburgh.

Mohd. Daud Bakar, "*Instrumen Fatwa Dalam Perkembangan Perundangan Islam*", **Jurnal Syariah**, (Jld 5, Bil. 1, Januari 1997).

Muhammad Shukri Haji Muhammad, **Pengasuh**, Bil. 511, April 1991.

Noor Naemah Abd. Rahman (2003) **Fatwa-fatwa Jemaah Ulamak Kelantan Tahun 1920an Hingga 1990an: Satu Analisis**, Tesis Ph.D, Universiti Malaya.

Temubual bersama Ustaz Othman Haji Ibrahim, Pegawai Agama Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan selaku Setiausaha Jemaah Ulama Kelantan, pada 12hb. Ogos 1999 di pejabatnya.